

PENERAPAN KONSEP TAZKIYAH AL-NAFS: IMPLEMENTASI KEPADA PASCA PESALAH PENYALAHGUNAAN DADAH SEBAGAI WASILAH DALAM MEMBENTUK MUKMIN SEJATI

APPLICATION OF THE CONCEPT OF TAZKIYAH AL-NAFS: IMPLEMENTATION TO AFTER DRUG ABUSE OFFENDERS AS A WASILAH IN FORMING TRUE BELIEVERS

Norzuraida Hasan ¹
Zanirah Mustafa@Busu ²
Nik Muniyati Nik Din ³
Mohd Khairul Anwar Ismail⁴
Mohd Nazri Mat Zin⁵
Mohd Miqdad Aswad Ahmad⁶
Wan Nazihah Wan Mohamed⁷
Nur Syazana Adam⁸

^{1 2 3 4 5 6 8} Akademi Pengajian Islam Kontemporri (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan, Malaysia, (E-mail: zuraidahasan@uitm.edu.my). *Corresponding Author

⁷ Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan, Malaysia,

Article history

Received date : 7-8-2022
Revised date : 4-9-2022
Accepted date : 11-11-2022
Published date : 15-11-2022

To cite this document:

Hasan, N., Mustafa@Busu, Z., Nik Din, N. M., Ismail, M. K. A., Mat Zin, M. N., Ahmad, M. M. A., Wan Mohamed, W. N., & Adam, N. S. (2022). Penerapan Konsep Tazkiyah Al-Nafs: Implementasi Kepada Pasca Pesalah Penyalahgunaan Dadah Sebagai Wasilah Dalam Membentuk Mukmin Sejati. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 190 - 199.

Abstrak: Pembentukan jiwa dalam Islam boleh melalui pelbagai konsep. Salah satunya adalah menerusi penyucian jiwa atau tazkiyah al-Nafs. Konsep tazkiyah al-Nafs peninggalan ulama seperti al-Muhasibi adalah suatu warisan yang tidak ternilai dalam khazanah keilmuan Islam. Walaupun begitu, kebanyakan dalam kalangan umat Islam hampir melupai kaedah penerapan tazkiyah al-Nafs dalam kehidupan mereka. Kaedah penyucian jiwa ini dapat diambil faedah untuk diterapkan untuk pembangunan pasca pesalah penyalahgunaan dadah. Kajian ini mengkaji tentang bagaimana untuk menerapkan konsep tazkiyah al-Nafs melalui implementasi kepada pasca pesalah penyalahgunaan dadah supaya dapat memberi natijah yang baik dalam membentuk mukmin sejati. Objektif kajian ini adalah untuk mengemukakan konsep tazkiyah al-Nafs dapat diterapkan kepada pasca pesalah penyalahgunaan dadah. Metode kajian perpustakaan, dokumentasi dan penelitian digunakan untuk mengumpulkan maklumat. Hasil penulisan ini memberikan gambaran ringkas sejauh mana proses kehidupan pasca pesalah penyalahgunaan dadah dapat selari dengan konsep tazkiyat al-Nafs yang digariskan oleh ulama. Kajian ini menyimpulkan bahawa implementasi pelaksanaan yang efektif kepada

golongan pasca pesalah penyalahgunaan dadah berasaskan konsep tazkiyah al-Nafs memerlukan sokongan organisasi murabbi yang mantap dalam rangka pembentukan diri menjadi mukmin sejati. Konsep ini wajar diketengahkan dalam usaha untuk mengurangkan jumlah bilangan pasca pesalah penyalahgunaan dadah dalam masyarakat sekaligus meningkatkan sahsiah diri sebagai muslim sejati untuk martabat syiar Islam.

Kata kunci: *Tazkiyah Al-Nafs, Agihan, Pasca Pesalah Penyalahgunaan Dadah Dan Mukmin*

Abstract: *The formation of the soul in Islam can be through various concepts. One of them is through soul purification or tazkiyah al-Nafs. The concept of tazkiyah al-Nafs left by scholars such as al-Muhasibi is a priceless heritage in the treasure of Islamic knowledge. Even so, most Muslims have almost forgotten the method of applying tazkiyah al-Nafs in their lives. This method of purifying the soul can be taken advantage of to be applied to the post-development of drug abuse offenders. This study examines how to apply the concept of tazkiyah al-Nafs through implementation to post-drug abuse offenders so that it can give good results in forming true believers. The objective of this study is to present the concept of tazkiyah al-Nafs that can be applied to post-drug abuse offenders. Library research, documentation, and research methods are used to gather information. The results of this writing provide a brief overview of the extent to which the life process of drug abuse offenders can be paralleled with the concept of tazkiyat al-Nafs outlined by scholars. This study concludes that the implementation of effective implementation for post-offenders of drug abuse based on the concept of tazkiyah al-Nafs requires the support of a strong murabbi organization in the framework of self-formation to become a true believer. This concept should be highlighted to reduce the number of post-drug abuse offenders in the community as well as increase self-identity as a true Muslim for the dignity of Islamic teachings.*

Keywords: *Soul Purification, Distribution, Post Drug Abuse Offender And Mukmin*

Pengenalan

Penyucian jiwa adalah salah satu perkara terpenting dalam agama Islam dan ia dinamakan sebagai *tazkiyah al-Nafs* dalam bahasa Arab. Islam menekankan kepentingan *tazkiyah al-Nafs* sehingga ia menjadi salah satu tujuan perutusan Nabi Muhammad SAW. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengemukakan konsep *tazkiyah al-Nafs* yang dapat diterapkan kepada pasca pesalah penyalahgunaan dadah.

Pernyataan Masalah

Gejala penagihan dadah persis barah dalam masyarakat yang semakin parah bermula awal tahun 1970an dan sehingga hari ini masih belum dapat diatasi bahkan bertambah parah dan kronik. Dadah dilihat sebagai salah satu masalah sosial yang melibatkan pengguna dan penagih daripada kalangan penagih dewasa pada tahun 90-an, namun kini ia juga turut melibatkan golongan belia remaja (Mahmood Nazar Ahmad, 2006). Penyalahgunaan dadah kini merangkumi jenis dadah bukan sintetik seperti syabu, heroin, morfin, candu dan ganja dan jenis sintetik seperti syabu, pil psikotropik, ecstesy dan amphetamie (Mohamad Johdi Salleh, 2012). Gejala ini sangat membimbangkan semua pihak terutama ibu-bapa, pemimpin masyarakat, pemimpin agama dan pemimpin negara.

Terdapat pelbagai kaedah rawatan dan pemulihan yang telah dilaksanakan bagi membantu penagih dadah bebas daripada dadah antaranya melalui pendekatan farmakologi iaitu

bergantung kepada ubat-ubatan atau dadah untuk menyekat kesan euforik ataupun mengurangkan kegilaan serta simptom putus dadah semasa dadah digunakan. Selain itu, terdapat juga cara rawatan yang semakin popular iaitu cara kerohanian (spiritual) atau penglibatan agama dan tradisional. Antaranya melalui kajian yang dilakukan oleh Mohamad Zuki As Sujak bin Shafie (2006) dengan menggunakan pendekatan kerohanian melalui method thoriqot qodariyyah wan naqsabandiyyah (TQN).

Walaupun terdapat pelbagai kaedah dan cara yang dilaksanakan bagi membantu penagih bebas sepenuhnya daripada dadah namun ada sebahagian yang kembali menagih dadah. Berdasarkan rekod pemulihan dadah daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), peratus penagih yang berjaya mengekalkan kepulihan setelah tamat sepenuhnya pemulihan ialah dalam lingkungan 30 peratus hingga 35 peratus (Lasimon Matokrem, 2006). Manakala berdasarkan kepada laporan akhbar tahun 2022, terdapat seramai lebih 5000 individu kembali menagih dadah selepas dirawat (Faiz Zainuddin, 2022). Antara faktor yang menyebabkan bekas penagih kembali menagih dadah adalah disebabkan oleh keinginan semula atau dalam istilah penagih dipanggil “rindu” yang menyebabkan penagih akan menagih semula. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana tiada rawatan khas atau ubat-ubat khas yang boleh digunakan untuk memulihkan penagih dadah. Ini jelas menggambarkan bahawa kaedah rawatan dan pemulihan yang dipraktikkan masih belum-belum berkesan seperti yang diharapkan.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengemukakan konsep *tazkiyah al-Nafs* sebagai kaedah tambahan yang dapat diterapkan kepada pasca pesalah penyalahgunaan dadah supaya dapat mengelakkan mereka daripada kembali menjadi penagih dadah dan seterusnya menjadi wasilah bagi membentuk mukmin sejati.

Definisi *Tazkiyah al-Nafs*

Tazkiyah (التزكية) daripada perkataan زكى iaitu suci dan bersih yang membawa maksud طهیر النفس iaitu penyucian jiwa daripada sebarang perkara yang merosakkan kekejian pada anggota badan (Ibn Manzur, t.t). *Al-Tazkiyah* bermaksud pembersihan atau penyuburan, *al-tazkiyah* juga merujuk kepada bersih daripada segala sifat keji dalam diri, manakala *al-nafs* adalah jiwa. Dari sudut terminologi, “*tazkiyah al-Nafs*” merupakan suatu proses penyucian jiwa daripada segala bentuk penyakit hati yang memerlukan usaha gigih dan bersungguh-sungguh bagi menyingkirkan sifat tercela (Al-Husayn bin Muhamad ar-Raghib al-Asfahani, 2002). *Tazkiyah al-Nafs* ialah suatu proses pendidikan jiwa seseorang manusia yang berbentuk penyucian dalaman dan pembentukan luaran supaya dapat mengekang kemahuan dan sifat buruk yang membawa kepada ketidaksihatan mental dan kecelaruan tingkah laku. Sebagaimana pentingnya penekanan terhadap aspek kesihatan fizikal, aspek kesihatan spiritual juga perlu diberi penekanan (Abu Dardaa Mohamad, 2017). Hal ini kerana jiwa yang kotor, akan membuat manusia terhibat daripada Allah SWT (Rosihon Anwar, 2010).

Menurut Ibn Taimiyyah (1994), konsep *tazkiyah al-nafs* merupakan salah satu misi kerasulan nabi Muhammad SAW. Asas utama *tazkiyah al-nafs* adalah memurnikan akidah manusia daripada kegelapan syirik kepada cahaya keimanan dan ini telah dirakamkan dalam surah al-Baqarah ayat 257. Kemudian ianya disusuli kepada penyucian dan pemurnian akhlak daripada elemen yang keji iaitu sifat mazmumah. Al-Ghazali (2001) menekankan pemurnian akhlak melalui *tazkiyah al-nafs* dengan melihat kepada kepincangan jiwa untuk melakukan kemaksiatan serta kecenderungan kepada shahwat. Dengan mengekang jiwa terhadap kenikmatan dunia dengan mengawal kemaksiatan, shahwat dan seumpamanya, jiwa seseorang akan terarah kepada urusan akhirat kerana akal dan nafsunya telah terkawal (Al-Muhasibi,

1991). Kemuncak kepada jiwa yang suci, seseorang telah mencapai pengajaran dan didikan qurani yang sebenar. Proses jiwa yang suci akan tercapai melalui *tazkiyah al-nafs*, iaitu satu perjalanan dan usaha yang dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut (Raqiyyah Taha, 2003).

Menurut Syeikh Mohammad Hilmi (2017) terdapat enam ayat al-Quran yang mengungkapkan kalimah *tazkiyyah* dalam memberi makna penyucian, pembersihan jiwa, kesucian tugas para Nabi dan sebagainya. Ayat-ayat tersebut adalah:

1. Surah al-Nisa': 49

Menunjukkan pengertian sifat Allah SWT yang berhak menyucikan dan mengurniakan taufik dan hidayah kepada manusia di dunia.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يُزَكُّونَ أَنْفُسَهُمْ ۗ بَلِ اللَّهُ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَلَا يَظْلُمُونَ فَتِيلًا

Maksudnya : *"Tidakkah engkau memerhatikan (wahai Muhammad) orang-orang yang telah diberikan sebahagian dari Kitab, mereka memilih kesesatan (dengan meninggalkan pertunjuk Tuhan), dan mereka pula berkehendak supaya kamu juga sesat jalan."*

2. Surah al-Baqarah :151

Menunjukkan makna tentang tugas Rasulullah S.A.W sebagai seorang yang mendidik dan menyucikan umatnya serta membawa kepada jalan yang benar.

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُو عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ

Maksudnya : *(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahu*

3. Surah Ali Imran :164

Memberikan makna tentang hamba yang berjaya menyucikan jiwanya

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata."*

4. Surah al-Shams : 9

Memberikan maksud bahawa hamba yang berjaya adalah hamba yang telah berjaya menyucikan jiwanya

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى

Maksudnya : “*Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan)*”

5. Surah al-Kahfi : 19

Memberikan maksud bahawa tazkiyyah aalah ciri-ciri orang yang menyucikan pemakanannya.

وَكَذَلِكَ بَعَثْنَا لَهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ ۖ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ ۖ قَالُوا لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ ۖ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا

Maksudnya : “*Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanya sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih menengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utus lah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapaupun menyedari akan hal kamu.*”

6. Surah an-Nisa' 4:49

Membawa kepada maksud konsep penyucian jiwa adalah manusia yang selalu memuji dirinya

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْكُونَ أَنفُسَهُمْ ۗ بَلِ اللَّهُ يَزْكِي مَنْ يَشَاءُ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا

Maksudnya : “*Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang membersihkan (memuji) diri sendiri? (Padahal perkara itu bukan hak manusia) bahkan Allah jualah yang berhak membersihkan (memuji) sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya); dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasan mereka) sedikitpun.*”

7. Surah an-Najm :32

الَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ إِلَّا اللَّمَمَ ۗ إِنَّ رَبَّكَ وَاسِعُ الْمَغْفِرَةِ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِكُمْ إِذْ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَإِذْ أَنْتُمْ أَجْنَةٌ فِي بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ ۗ فَلَا تُزَكُّوا أَنفُسَكُمْ ۗ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ اتَّقَى

Maksudnya : “*(Iaitu) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji, kecuali salah silap yang kecil-kecil (yang mereka terlanjur melakukannya, maka itu dimaafkan). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Luas keampunan Nya. Ia lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak Ia mencipta kamu (berasal) dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang sedang melalui berbagai peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka janganlah kamu memuji-*

muji diri kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dia lah sahaja yang lebih mengetahui akan orang-orang yang bertaqwa.”

Justeru itu dapatlah disimpulkan bahawa *Al-Nafs* adalah dimaksudkan dengan jiwa yang bersifat *latif* (lembut), *rohani* (abstrak) dan *rabbani*. Jiwa seperti inilah yang menjadi unsur atau pokok utama dalam diri setiap manusia (Ilyas Ismail et.al, 2008). *Al-Nafs* dapat di kembangkan kepada variasi pengertian yang sangat luas. *Al-Nafs* dapat ditonjolkan dengan dua makna utama iaitu jiwa bermakna roh dan keduanya ialah jiwa bermaksud sesuatu dengan hakikatnya (Che Zarrina & Nor Azlinah, 2016).

Menurut Masyuri *tazkiyah Al-Nafs* adalah suatu penekanan terhadap aspek kerohanian dengan kaedah latihan ibadah seperti solat, zikir, fikir, membaca al-Quran, qiyamullail dan sebagainya. Metod ini adalah satu kaedah kecerdasan spiritual dan penerapan akhlak melalui strategi atau proses membuang akhlak mazmumah dalam jiwa (al-takhalli) dan seterusnya menggantikannya dengan akhlak mahmudah (al-tahalli). Pelaksanaan *tazkiyah Al-Nafs* secara konsisten dapat memberi kesan positif kepada diri seseorang dan memberi kesan pemulihan kepada dirinya (Masyuri. 2012). Menurut Al-Muhasibi perkara pertama yang mesti dilakukan oleh seseorang manusia yang ingin melaksanakan *tazkiyah Al-Nafs* ialah mengenali dan membezakan antara baik dan buruk (ma'rifah al-khayr wa al-shar), ini kerana seseorang itu tidak mungkin mengenal Allah melainkan dengan akal, dan tidak mungkin mampu mentaati-Nya melainkan dengan ilmu (Abu Dardaa Mohamad, 2017).

Metodologi Kajian

Kajian berkenaan konsep *tazkiyah al-Nafs* ini telah mengambil kira beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Kajian ini ialah penyelidikan yang di buat untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan samada dari tulisan ulama muktabar, kajian ulama terkini, kajian ilmiah, kertas-kertas kerja dan sumber-sumber lain yang berkaitan dengan topik kajian. Penyelidikan keperustakaan ini menjadi maklumat asas kepada landasan kajian. Perpustakaan yang menjadi tumpuan rujukan oleh penulis.

Metod deduktif juga di gunakan sebagai satu kaedah mencari kesimpulan sesuatu masalah berdasarkan dari dalil yang umum sifatnya untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Manakala metod komparatif di gunakan untuk penulis membuat perbandingan dari maklumat yang di perolehi dan hasilnya mendapat satu rumusan yang kukuh.

Kaedah Penerapan Konsep *Tazkiyah Al-Nafs* Kepada Pasca Pesalah Penyalahgunaan Dadah Dalam Membentuk Mukmin Sejati

Hasil kajian mendapati bahawa konsep *tazkiyah al-Nafs* al-Muḥāsibī perlu dan boleh diterapkan dalam pembentukan mukmin sejati. Hasil kajian juga menunjukkan keperluan penyusunan dan penulisan balik konsep *tazkiyah al-Nafs* al-Muḥāsibī sesuai dengan pembentukan mukmin sejati. Oleh yang demikian, para ulama terdahulu bekerja keras bagi menerangkan kepada umat Islam berkenaan konsep dan kaedah *tazkiyah al-nafs* tersebut agar dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

Salah seorang yang terawal dari kalangan para sufi yang membahaskan dan membukukan perbahasan mengenai konsep tersebut adalah Imam al-Hārith bin Asad al-Muḥāsibī. Karya-karya beliau juga telah memberi kesan kepada para ulama yang terkemudian daripada beliau seperti Imam al-Ghazālī (Abu Dardaa Mohamad. (2018). Justeru, warisan peninggalan Imam al-Muḥāsibī ini ialah sesuatu yang patut diambil manfaat oleh masyarakat Islam kini termasuk

di Malaysia. Salah satu bidang yang boleh mengambil manfaat daripada warisan keilmuan Imam al-Muḥāsibī.

Setelah diberikan sedikit gambaran mengenai konsep *tazkiyah al-Nafs* al-Muḥāsibī, penulis merasakan ia merupakan keperluan menjadikan konsep tersebut sebagai panduan tambahan dalam pembentukan mukmin sejati. Oleh itu, penulisan ini menyentuh secara ringkas mengenai konsep *tazkiyah al-Nafs* al-Muḥāsibī dan penerapannya dalam pembentukan mukmin sejati menerusi beberapa kaedah yang dikemukakan oleh beliau. Namun, ia tidak akan menjelaskan secara terperinci kerana perkara tersebut memerlukan kepada suatu perbahasan yang panjang dan rumit.

1) Kaedah Kesedaran (*al-Tayaqquz*)

Antara perkara utama dalam memiliki jiwa yang bersih menurut al-Muḥāsibī ialah kesedaran daripada kelalaian (*al-tayaqquz min al-ghaflah*). Seseorang manusia perlu mempunyai kesedaran akan tanggungjawab dan tujuan hidupnya. Kesedaran ini pula akan kekal dalam minda manusia sekiranya mereka sentiasa ikhlas dan mengingati Allah dalam setiap gerak dan diam. Kaedah utama dalam mencapai kesedaran terhadap sesuatu perkara adalah dengan mencari ilmu pengetahuan dengan ikhlas, kemudian berdoa kepada Allah (al-Muḥāsibī, 1999). Selain daripada itu, perkara yang sangat membantu dalam memberi kesedaran dan melaksanakan tanggungjawab adalah dengan mencari sahabat yang soleh (al-Muḥāsibī, 1984) kerana manusia sangat terkesan dengan keadaan sekeliling. Sekiranya dia berada dalam suasana yang sihat, maka jiwanya juga akan sihat. Maka apa yang didapati daripada kaedah al-Muḥāsibī ini ialah seseorang manusia perlu rajin mencari ilmu pengetahuan tentang setiap sesuatu yang berkaitan dengan hidupnya. Sebagai seorang hamba Allah maka ilmu yang berkaitan dengan aqidah dan syariat. Dalam perkara yang berkaitan hubungan sesama manusia pula ialah ilmu adab dan akhlak serta semua yang terkait dengan kehidupan sehariannya sebagai seorang suami, isteri, bapa, ibu, anak, ahli masyarakat dan lain-lain.

2) Kaedah Pengetahuan Tentang Baik dan Buruk (*Ma'rifat al-Khayr wa al-Shar*)

Salah satu daripada perkara utama menurut al-Muḥāsibī (1984) dalam membentuk peribadi manusia yang sihat dan kuat adalah dengan memiliki pengetahuan tentang apa yang baik dan apa yang buruk. Baik secara umum, dan juga secara Islamik, iaitu pengetahuan tentang hukum hakam agama. Beliau menekankan unsur kehendak (*irādah*) yang betul, iaitu kehendak manusia untuk melakukan sesuatu perbuatan mestilah mengikut pengetahuannya dan bukan perasaan semata-mata (al-Muḥāsibī, 1991). Oleh yang demikian, beliau menganjurkan agar manusia mencari ilmu pengetahuan dalam apa sahaja perkara yang ingin dilakukan atau diceburi. Beliau membahagikan pengetahuan kepada baik dan buruk dari sudut keutamaan. Pengetahuan tentang apa yang buruk perlu diutamakan berbanding apa yang baik kerana dapat menghindarkan seseorang daripada kesalahan, sekaligus ia adalah suatu kebaikan (al-Muḥāsibī, 1984). Beliau juga menekankan mengenai keperluan mengutamakan pengetahuan tentang kewajipan dan tanggungjawab berbanding apa yang sunat atau pelengkap (al-Muḥāsibī, 1991). Pengetahuan yang paling baik adalah yang berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah (al-Muḥāsibī, 1999).

3) Kaedah Kecukupan (*Qanā'ah*)

Tamak adalah salah satu sifat yang ada dalam diri manusia. Apa yang menjadi salah pada kelakuan manusia ialah apabila sifat tamak ini mendorong mereka mendapatkan sesuatu yang bukan miliknya atau mendapatkan sesuatu bukan dengan cara yang betul. Maka, untuk menghalang manusia daripada melakukan perkara tersebut, dia memerlukan kepada beberapa

perkara, antaranya ialah *qana'ah*. Ia didefinisikan sebagai sifat reda dan memadai dengan apa yang diperlukan daripada rezeki tanpa memperbanyakkan dengan tujuan atau cara yang salah (al-Muḥāsibī, 1986). Sifat ini perlu diubah melalui penentangan terhadap kehendak buruk (*mujāhadah*) yang terlintas dalam hati, khususnya yang melibatkan harta orang lain (al-Muḥāsibī, 1991). Ia juga melibatkan dua perkara yang berkait rapat dengan situasi kewangan seseorang, iaitu tidak boros ketika memiliki harta dan memadai sekiranya tidak memiliki harta dengan meninggalkan pencarian yang tidak halal (al-Muḥāsibī, 1999).

4) Kaedah Wujud Rasa Takut Kepada Allah (*al-Khawf min Allāh*)

Perasaan di dalam hati yang menyedari akan kekuasaan Allah, khususnya yang berkenaan dengan ancaman dan azab-Nya adalah dinamakan sebagai takut kepada Allah (al-Muḥāsibī, 1986). Al-Quran sebagai Kitabullah mengandungi pelbagai pengajaran yang boleh menjadi pedoman hidup kepada manusia. Salah satu di antara pedoman-pedoman tersebut adalah perkara yang dikategorikan sebagai *al-wa'īd*, yakni janji-janji buruk Allah kepada sesiapa sahaja yang melakukan kejahatan dan keburukan di dunia sebagai balasan di akhirat. Justeru, menjadi kewajipan bagi setiap manusia mempelajari dan mengambil pengajaran daripada ancaman-ancaman tersebut sebagai jalan untuk melahirkan rasa takut kepada Allah (al-Muḥāsibī, 1999). Beliau menjelaskan bahawa takut hanya akan terjadi dengan pengetahuan yang yakin. Ia melibatkan setiap perkara yang berkaitan dunia, apatah lagi perkara yang berkaitan akhirat. Pengetahuan dan keyakinan inilah yang memasukkan lintasan (*khaṭrah*) ke dalam hati manusia untuk takut kepada Allah (al-Muḥāsibī, 1986). Maka, tahap ilmu seseorang memberi kesan kepada tahap rasa takutnya kepada Allah.

Kesimpulan

Menerusi analisis terhadap penerapan konsep *tazkiyah al-Nafs* implementasi kepada pasca pesalah penyalahgunaan dadah sebagai wasilah dalam membentuk mukmin sejati, maka menjadi salah satu keperluan dalam kemahiran membantu golongan pasca pesalah penyalahgunaan dadah dengan mengetahui dan mendalami konsep-konsep keagamaan. Justeru, konsep-konsep keagamaan Islam perlu disusun khusus dalam konteks pembentukan mukmin sejati bagi membantu golongan pasca pesalah penyalahgunaan dadah yang sedia ada dan yang akan datang agar ia dapat difahami dengan mudah, dan agar ia sesuai dengan konteks yang telah disebutkan. Termasuk antara warisan konsep keagamaan tersebut adalah konsep *tazkiyah al-Nafs* menurut al-Muḥāsibī. Ia dilihat sesuai untuk disusun dan dijadikan panduan dan pedoman untuk golongan pasca pesalah penyalahgunaan dadah. Secara asasnya, kerangka besar konsep beliau telah diguna pakai dalam pelbagai bidang. Namun, perincian terhadap konsep tersebut masih memerlukan kepada penyusunan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan kerana memberi sokongan kewangan bagi penerbitan penyelidikan ini di bawah dana geran dalaman bertajuk Pembangunan Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Berdasarkan Konsep Hifz-Deen untuk Pesalah Pasca Penyalahgunaan Dadah (NO.600-TNCPI 5/3 DDN (03 (007/2020)). Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pemulihan Akhlak Machang kerana menyokong sebahagian kajian ini

Rujukan

- Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah & Ahmad Irdha Mokhtar. (2017). Konsep Tazkiyat al-Nafs menurut al-Harith bin Asad al-Muhasibi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 4 Bil 1. 115-125.
- Abu Dardaa Mohamad. (2018). al-Harith bin Asad al-Muhasibi Pelopor Penulisan Dakwah yang Disegani al-Ghazali. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam Kali Pertama*. 05-06 September 2018. UTHM.
- Al-Husayn bin Muhamad ar-Raghib al-Asfahani. (2002). *Mufradat Fi Gharib al Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.
- al-Muhasibi, al-Harith. (1984). *Adab al-Nufus wa Yalīhi Kitāb al-Tawahhum*. Taḥqīq oleh cAbd al-Qadir Ahmad cAta'. Bayrut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- al-Muhasibi, al-Harith. (1985). *Mucatabat al-Nafs*. Taḥqīq oleh cAbd al-Qadir Ahmad cAta'. al-Qahirah: Dar al-Ictisam.
- al-Muhasibi, al-Harith. (1990). *al-Ricayah li Huquq Allah*. Taḥqīq oleh cAbd al-Qadir Ahmad cAta'. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Muhasibi, al-Harith. (1991). *Bada' man Anab ila Allāh wa Yalīhi Adāb al-Nufūs*. Taḥqīq oleh Majdī Faṭḥī al-Sayyid. al-Qahirah: Dar al-Salām.
- al-Muhasibi, al-Harith. (1993). *Sharh al-Macrifat wa Badhl al-Nasihah*. Taḥqīq oleh Majdi Fathi al-Sayyid. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- al-Muhasibi, al-Harith. (1999). *Risalah al-Mustarshidin*. Taḥqīq oleh cAbd al-Fattah Abu Ghuddah. al-Ṭabʿat al-Tāsiʿah. Bayrut: Maktab al-Maṭbūʿah al-Islamiyyah.
- Azman Ab Rahman, Arieff Salleh bin Rosman, Muhamad Firdaus Ab Rahman. (2016). *Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia*, Publisher: Universiti Sains Islam Malaysia ISBN: 978-967-440-268-6
- Che Zarrina & Nor Azlinah .(2016).Terapi Spiritual melalui Kaedah Tazkiyah al-Nafs. *Afkar* Vol. 18 Special Issue.
- Haron, M. S., Rahman, R., (2016) Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah, *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 10, pp.129-140
- Ilyas Ismail et. al,(2008) Tazkiyah Al-Nafs dalam Ensiklopedi Tasawuf . Bandung : UIN Syarif Hidayatullah.
- Lasimon Matokrem (2006), Program Pemulihan Penagihan Di Malaysia: Pendekatan Masa Kini dalam Mahmood Nazar Mohamed et.al (2006). *Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Masyuri. (2012).Prinsip-prinsip Tazkiyah al-Nafs dalam Islam dan Hubungannya dengan Kesehatan Mental. *Jurnal Pemikiran Islam*. Vol 37, No 2: 95-102.
- Maududi, A. A., (1984). *Economic System of Islam*. s.l.:Islamic Publishing.
- Mahmood Nazar Mohamed et.al (2006). *Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohamad Johdi Salleh (2012), *Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor*. International Seminar on Community Development – SAPKO 2012.
- Mohamad Sabri, H. & Riki,R. (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syariah. *Labuan e-Journal of Muamalah and Society*, vol. 10, pp 129-140.
- Mohamad Zuki As Sujak Shafie (2006), “Rawatan Penagihan Dadah: Pendekatan Kerohanian Menggunakan Metode Thoriqat Wan Naqsabandiyyah (TQN) dalam Mahmood Nazar

- Mohamed et.al (2006). Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah: Beberapa Pendekatan dan Amalan di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Rosihon Anwar (2010). Akhlak Tasawuf, CV Pustaka Setia: Bandung.
- Rodiah (2015), Insan Kamil Dalam Pemikiran Muhammad Nafisal-Banjari Dan Abdush-Shamad Al-Falimbânî Dalam kitab Ad-Durr An-Nafis Dan Siyar As-Sâlikîn (Sebuah Studi Perbandingan), Studia Insania, hlm. 97-110, ISSN 2088-6306.
- Sanep Ahmad, (2009). Pelaksanaan Pengagihan Zakat Kepada Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia, Prosiding Perkem Iv, Jilid 2 62-74, ISSN: 2231-962x, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV) Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekitaran Global, Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009.

Laman Sesawang:

- Abdullah Al-Harith Bin Asad Al-Muhasibi. 1991. Adab Al-Nufus. Beirut: Muassasah Al-Kutub Al-Thaqafiyah. Cet. 2.
- Faiz Zainudin, FreeMalaysiaToday, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/05/20/lebih-5000-individu-kembali-menagih-dadah-selepas-dirawat-pulih/>, 2022.
- Hamizul Abdul Hamid. Laman Sesawang <http://www.utusan.com.my/mega/agama/kesan-ekonomi-atas-pengurusan-zakat-1.423079> pada 22 Disember 2016.
- Laman Sesawang <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/> pada 17 Jun 2019
- Mohd Nazmi. Ulamasedunia.org/2016/07/02/zakat-fitrah-memberi-kesan-besar-kepada-individu-dan-ummah/ pada 2 Julai 2016
- Muhammad bin Muhammd al-Ghazali. 2001. Minhaj al-Abidin Ila Jannah Rab al-'Alamin. Beirut: Dar Al-Bashair Al-Islamiah.
- Raqiyyah Taha Jabir Al-Ulwani. 2003. Manhaj Ibn Qayyim Al-Jauzi Fi Tazkiyah Al-Nafs. Majllah Jamiáh Ummu Al-Qura Li Úlum Al'Syariah Wa Al-Lughah Al-Árabiyyah Wa Adabiha. Jil. 19